

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 OKTOBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 28

OPEC+ setuju kurangkan pengeluaran minyak

OPEC+ setuju kurangkan pengeluaran minyak

Malaysia melihat pengurangan sehingga dua juta tong sehari mampu menstabilkan pasaran minyak global

KUALA LUMPUR

Malaysia bersetuju dengan langkah Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum dan sekutu (OPEC+) untuk mengurangkan pengeluaran minyak sehingga dua juta tong sehari, berkuat kuasa pada November 2022.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, keputusan sebulat suara itu dicapai memandangkan OPEC+ secara kolektif telah mengambil kira faktor-faktor yang melibatkan asas-asas pasaran, terutama dalam menangani ketidakpastian berkaitan bekalan dan permintaan minyak di peringkat global.

“Malaysia menyokong inisiatif dan pendekatan proaktif OPEC+, termasuk dokumen kerjasama yang telah dimeterai pada 10 Disember, 2016.

“Dokumen itu menyatukan negara pengeluar minyak untuk turut mematuhi mekanisme kukuh



Harga bekalan tenaga melonjak selepas pencerobohan Rusia ke atas Ukraine Februari lalu dan ini telah mendorong kenaikan inflasi ke paras tinggi sekali gus menjejaskan pertumbuhan ekonomi global.



MUSTAPA

dalam menangani cabaran-cabaran pasaran,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mustapha berkata, Malaysia selaku anggota OPEC+, akan turut meneruskan kerjasama penuh dengan pertubuhan itu bagi memastikan kestabilan pasaran minyak global berikutan prospek tidak menentu yang berpanjangan.

Pada awal Oktober lepas, OPEC+ telah mengumumkan tindakan melaksanakan langkah pengurangan jumlah pengeluaran minyak terbesar sejak 2020 yang membabitkan dua juta tong sehari susulan ketidakpastian ekonomi global dan prospek pasaran.

Malaysia akan mengurangkan pengeluaran minyak mentah harian sebanyak 27,000 tong kepada 567,000 tong di bawah rancangan penurunan pengeluaran secara kolektif oleh OPEC+. - Bernama